



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH PENGETAHUAN, PERSEPSI DAN PENGLIBATAN
TERHADAP SEMANGAT PERPADUAN DALAM KALANGAN
JIRAN MUDA DI KAWASAN RUKUN TETANGGA
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA***

WAN ZUMAIZA BT. WAN MUSTAPHA

FEM 2016 49



**PENGARUH PENGETAHUAN, PERSEPSI DAN PENGLIBATAN
TERHADAP SEMANGAT PERPADUAN DALAM KALANGAN
JIRAN MUDA DI KAWASAN RUKUN TETANGGA
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

WAN ZUMAIZA BT. WAN MUSTAPHA

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

Disember 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**PENGARUH PENGETAHUAN, PERSEPSI DAN PENGLIBATAN
TERHADAP SEMANGAT PERPADUAN DALAM KALANGAN
JIRAN MUDA DI KAWASAN RUKUN TETANGGA
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

WAN ZUMAIZA BT. WAN MUSTAPHA

Disember 2016

**Pengerusi : Profesor Madya Sarjit Singh Darshan Singh, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia**

Perpaduan nasional menjadi agenda utama kerajaan sejak peristiwa 13 Mei 1969. Kepentingan perpaduan nasional amat penting dalam membina sebuah Bangsa Malaysia yang bersatu padu demi mencapai Wawasan 2020 yang menjadi idaman pemimpin dan rakyat. Kesedaran mengenai peri pentingnya perpaduan nasional dalam kalangan generasi muda khususnya dari segi nilai perlu diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui hubungkait pengetahuan, persepsi serta penglibatan Jiran Muda dalam semangat perpaduan melalui Rukun Tetangga. Sampel kajian terdiri daripada seramai 362 orang Jiran Muda di 82 kawasan Rukun Tetangga daerah Hulu Langat, Selangor dari etnik Melayu yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan penggunaan borang soal selidik. Pengumpulan data dibuat melalui pengedaran borang soal selidik semasa kursus dan aktiviti Jiran Muda di kawasan Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang Rukun Tetangga adalah rendah, iaitu 100% responden. Pengukuran tahap pengetahuan berdasarkan domain seperti persepsi, sikap, pendapat umum dan pengalaman tentang Rukun Tetangga dan Perpaduan.

Manakala persepsi responden tentang nilai perpaduan dari aspek nilai murni dan pergaulan masyarakat menunjukkan persepsi yang tinggi, iaitu 67.4%. Manakala dapatan kajian tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga menunjukkan masih belum mencapai tahap tinggi dan hanya pada tahap sederhana, iaitu 64.6%, walaupun persepsi Jiran Muda tentang nilai perpaduan adalah tinggi. Hal ini menunjukkan persepsi yang tinggi tidak mempengaruhi penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga. Manakala tahap semangat perpaduan dalam kalangan responden, iaitu 67.7%, pada tahap yang kurang memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan dengan mengambilkira persepsi responden tentang nilai perpaduan pada tahap yang positif.

Dapatan kajian tentang hubungkait pengetahuan, persepsi dan penglibatan dengan semangat perpaduan pula menunjukkan terhadap hubungan signifikan dan positif di antara pengetahuan dan semangat perpaduan. Iaitu terdapat perkaitan sederhana di antara kedua-dua faktor. Manakala persepsi juga menunjukkan perkaitan yang positif dengan semangat perpaduan. Penglibatan juga mencatatkan perkaitan yang signifikan dan positif. Oleh itu, pengetahuan, persepsi dan penglibatan mempunyai perkaitan signifikan dengan semangat perpaduan. Kajian ini juga menunjukkan penglibatan golongan muda dalam aktiviti Rukun Tetangga masih perlu diberikan perhatian dan galakkan untuk mencapai tahap penglibatan yang membanggakan dan seiring dengan persepsi nilai perpaduan yang tinggi untuk peningkatan semangat perpaduan dalam kalangan golongan muda. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada pelbagai pemegang taruh khususnya JPNIN, dalam memastikan golongan muda sentiasa aktif dalam aktiviti kemasyarakatan ke arah perpaduan nasional.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the Degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF KNOWLEDGE, PERCEPTION AND
INVOLVEMENT AMONG JIRAN MUDA IN RUKUN TETANGGA AREA
HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR, MALAYSIA**

By

WAN ZUMAIZA BT. WAN MUSTAPHA

December 2016

Chairman : Associate Professor Sarjit Singh Darshan Singh, PhD
Faculty : Human Ecology

National Unity has been in the government's Malaysia main agenda since the 13 May 1969 incident. The importance of national unity is crucial in building a Malaysian Nation to achieve Vision 2020, an aspiration of Malaysians and its leaders. The awareness on importance of national unity among the younger generation to be specific on the value must be given attention. Therefore, this research is conducted to measure the level of knowledge and perception also Jiran Muda involvement is on the programme which focuses on national unity through Rukun Tetangga. The research samples consist of 362 members of Jiran Muda a Malay ethnic Rukun Tetangga area of Hulu Langat District, Selangor, Malaysia. It was selected through the convenience sampling technique. Data collection was carried out during the Jiran Muda workshop and activities in the area of Hulu Langat District, Selangor, Malaysia. The data shows that the respondents' level of knowledge on Rukun Tetangga is low, which are 100% respondents. The measurement of level of knowledge is based on perception, attitude, general opinion and experience domains on Rukun Tetangga and unity.

Meanwhile the respondents' perception regarding the unity value from the aspect of moral value and social interaction indicates a high perception, which is 67.4%. The research findings also showed that the level of Jiran Muda involvement in Rukun Tetangga activities has not attained high level and remained at satisfactory level, which is 64.6%, even though the level of Jiran Muda perception is on the value of unity is high. This signifies a positive perception does not influence the Jiran Muda involvement in the activities of Rukun Tetangga. Meanwhile the level of spirit of unity among respondents is 67.7%. It is still at an unsatisfactory level and can still be increased by taking into the count the positive of perception of respondents regarding the value of the unity.

The research findings on the correlation of knowledge, perception and involvement with spirit of unity indicate significant and positive relation between knowledge and spirit of unity. There is an average correlation between both factors. There is a positive relation with perception and spirit of unity. Therefore, knowledge, perception and participation are significantly related to the spirit of unity. This research indicates that the involvement of young generation in the activities organized by Rukun Tetangga still needs a special attention and encouragement to achieve a satisfactory level of involvement in order to increase young generation unity spirit. The findings of this research can be a guide and source of reference for various stakeholders mainly JPNIN, to ensure that young generation is active society-based towards the national unity.



PENGHARGAAN

Saya dengan rasa rendah hati memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan tesis ini. Perjalanan yang indah ini diper mudahkan lagi dengan berkat doa restu dan pengorbanan daripada insan tercinta iaitu bonda saya, Zoolaiha bt. Abdullah dan ayahanda Wan Mustapha b. Wan Daud. Teristimewa juga buat kedua-dua belahan jiwa saya iaitu Wan Danial Mustaqim dan Wan Nasihah Ladinah yang menjadi kekuatan buat saya untuk meneruskan perjuangan ini. Termasuk Wan Zumusni yang banyak memberikan sokongan dan perangsang. Pada kesempatan ini juga saya ingin melakarkan setinggi-tinggi penghargaan buat Prof Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Madya Dr. Ismi Arif b. Ismail dan Prof. Dr Nobaya di atas bimbingan dan tunjuk ajar serta yang diberikan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Semoga segala kebaikan akan diberkati Allah.

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) khususnya YBhg. Dato' Gandesan a/l Letchumanan, Ketua Pengarah JPNIN Malaysia, Pengarah Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) iaitu En. Ho Khek Hua, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor, Pegawai Perpaduan Daerah Hulu Langat serta Penggerak dan stafnya yang memberikan kerjasama dan komitmen. Istimewa buat Jiran Muda daerah Hulu Langat yang terlibat dalam kajian ini, terima kasih yang tidak terhingga dan saya mendoakan agar semua Jiran Muda seluruh Malaysia akan mencapai kejayaan di lapangan yang diceburi. Seterusnya terima kasih kepada Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah membayai pengajian saya.

Akhir sekali, terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan seperjuangan terutama sdr. Rahimi, sdr Fang, sdr Chu, En. Zulkhairi dan Encik Baharin b. Idris yang sama-sama melanjutkan pengajian dan turut membantu memberikan nasihat dan tunjuk-ajar serta sahabat di IKLIN dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya untuk menyempurnakan tesis ini. Semoga hasil penyelidikan ini dapat dijadikan ilmu yang bermanfaat ke arah meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan sosial di Malaysia.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ismi Arif Bin Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan

: Profesor Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

: Profesor Madya Dr. Ismi Arif Bin Ismail

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
 BAB	
 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perpaduan	1
1.3 Rukun Tetangga	4
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Objektif Kajian Umum	13
1.6 Objektif Khusus	13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Pengetahuan	14
1.8.2 Persepsi	15
1.8.3 Penglibatan	15
1.8.4 Belia	15
1.8.5 Komuniti	16
1.8.6 Perpaduan	16
1.8.7 Nilai Perpaduan	16
1.8.8 Semangat Perpaduan	17
1.9 Limitasi Kajian	17
1.10 Kerangka Konseptual	18
1.11 Teori Perpaduan	19
1.11.1 Kerangka Teori	20
1.12 Rumusan	21
 2 TINJAUAN LITERATUR	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Belia	22
2.3 Kajian Rukun Tetangga	24
2.4 Kajian Pembangunan Komuniti Organisasi Sukarela	29
2.5 Persepsi dan Penglibatan	34
2.6 Rumusan	37
 3 METODOLOGI	38
3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.3 Lokasi Kajian	38
3.4 Populasi	39


3.5	Persampelan kajian	39
3.6	Pengumpulan Data	41
3.6.1	Data Primer	41
3.6.2	Data Sekumder	41
3.7	Instrumen dan Pengukuran	41
3.8	Kajian Rintis	44
3.9	Tatacara Kajian dan Pengumpulan Data	45
3.9.1	Skala Soalan	47
3.10	Analisis Data	47
3.11	Rumusan	49
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Profil Responden	50
4.3	Ahli Jiran Muda	52
4.4	Persekolahan Tabika Perpaduan	53
4.5	Tahap Pengetahuan Jiran Muda tentang Rukun Tetangga	53
4.6	Tahap Persepsi Nilai Perpaduan	54
4.7	Tahap Penglibatan dalam Aktiviti Rukun Tetangga	56
4.8	Persepsi Semangat Perpaduan Kalangan Jiran Muda	58
4.9	Hubungkait Pengetahuan, Persepsi dan Penglibatan dengan Semangat Perpaduan	58
4.10	Rumusan	59
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan	61
5.3	Implikasi	62
5.3.1	Implikasi Kepada Teori/ Pengetahuan	63
5.3.2	Implikasi Praktis	64
5.4	Cadangan	65
5.4.1	Memperbanyakkan Penerangan Perpaduan dan Rukun Tetangga	65
5.4.2	Perancangan Aktiviti/Program Perpaduan Melibatkan Golongan Muda	65
5.4.3	Mengadakan Kursus Kepimpinan untuk Jiran Muda	66
5.4.4	Meningkatkan Imej dan Penglibatan Jiran Muda dalam Perpaduan	66
5.4.5	Mempelbagaikan Aktiviti Baru Perlu Dilaksanakan	67
5.4.6	Menggalakkan Penglibatan Pelbagai Etnik dalam Aktiviti RT	67
5.4.7	Cadangan Penyelidikan akan Datang	68
RUJUKAN		69
LAMPIRAN		82
BIODATA PELAJAR		93

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Ahli Jawatankuasa Jiran Muda Seluruh Malaysia Tahun 2016	9
1.2	Cawangan Jiran Muda Seluruh Malaysia Tahun 2016	12
3.1	Jumlah Rukun Tetangga & Cawangan Jiran Muda Seluruh Negeri Selangor Tahun 2016	39
3.2	Nilai Alpha Setiap Bahagian	45
3.3	Taburan Penentuan Bagi Nilai Skor	48
3.4	Taburan Penentuan bagi Nilai Skor	48
4.1	Taburan Keseluruhan Demografi Responden Jiran Muda	51
4.2	Ahli Jiran Muda	52
4.3	Persekolah Tabika Perpaduan	53
4.4	Tahap Pengetahuan	53
4.5	Tahap Persepsi nilai Perpaduan	54
4.6	Tahap penglibatan	56
4.7	Tempoh Penglibatan	56
4.8	Galakkan Rukun Tetangga	57
4.9	Galakkan Orang Lain	57
4.10	Tahap Persepsi Semangat Perpaduan	58
4.11	Perkaitan di antara faktor yang terpilih dengan semangat perpaduan	59

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Organisasi Jawatankuasa Rukun Tetangga	7
2	Kerangka Konseptual Kajian	18
3	Kerangka Teori	20



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang pembangunan komuniti yang merupakan bidang kajian yang dikaji, selain pengenalan tentang perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan organisasi Rukun Tetangga (RT) yang mengkhusus kepada cawangan Jiran Muda. Perbincangan juga meliputi pernyataan masalah tentang Jiran Muda yang dikaji. Pengkaji juga menjelaskan objektif umum dan beberapa objektif khusus kajian ini. Bab ini juga menerangkan tentang kepentingan kajian untuk melibatkan golongan muda dalam aktiviti RT, peranan RT dan JPNIN serta sumbangan kepada bidang akademik. Definisi konseptual dan operasional untuk setiap pemboleh ubah yang digunakan juga dijelaskan supaya selari dengan objektif kajian.

1.2 Perpaduan

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang etnik, bahasa, agama dan budaya dengan masyarakatnya hidup bercampur gaul antara satu sama lain dan proses ini telah berlaku secara terbatas sebelum kemerdekaan dan telah meningkat dengan muncul fenomena pembandaran yang pesat dan migrasi penduduk desa ke bandar sejak kebelakangan ini (Abdul Rahman, 2009). Ciri sesebuah masyarakat yang bersifat majmuk ialah wujudnya jurang pemisah antara pelbagai etnik yang tinggal dalam masyarakat berkenaan (Shamsul, 1994). Perbezaan tersebut bukan hanya faktor etnik semata malah melibatkan perbezaan bahasa, agama, adat resam dan kegiatan ekonomi (Dirwana, 2004).

Oleh kerana perpaduan merupakan pemangkin kepada kestabilan sosial dan pembangunan negara serta pencetus keharmonian sosial, kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, sejak Rancangan Malaysia Kedua (1970-1974), perpaduan antara etnik menjadi matlamat utama pembangunan negara dan matlamat perpaduan sentiasa termaktub dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun negara (Samsudin, 1992). Usaha mewujudkan perpaduan ini juga bermula sejak sebelum kemerdekaan lagi apabila para pemimpin parti politik daripada kaum Melayu, Cina dan India menubuhkan Parti Perikatan semasa pilihanraya pada tahun 1955 (Crouch, 1996). Perpaduan dari aspek ekonomi menjadi penelitian Wan Hashim (2005) yang mengutarkan tentang pakatan pengabungan politik antara etnik yang unik di dunia merupakan formula yang mampu bertahan lama hingga kini iaitu melalui permuafakatan dan kerjasama antara kaum yang menjadi nilai murni yang dikongsi bersama dan diterjemahkan secara berkesan di peringkat kebangsaan.

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan detik bersejarah yang tidak akan dapat dilupakan dan dilaporkan dalam Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 1969, iaitu ‘kita telah dikejutkan dengan kesedaran bahawa masalah perkauman di negara ini adalah serius dan

langkah yang diambil dahulu tidak mencukupi (Wan Halim, 1980). Oleh demikian berbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat supaya tragedi 13 Mei 1969 tidak akan berulang lagi. Kerajaan juga memperkenalkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 yang merupakan ideologi negara yang dijadikan pegangan serta panduan rakyat Malaysia untuk hidup yang harmoni serta bersatu padu (Ghazali Shafie, 1999).

Sebelum ini, Ting Chew Peh (1987) menegaskan bahawa untuk mencapai sebuah masyarakat berintegrasi bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia dilihat dari pelbagai sudut seperti sejarah, pendidikan, sosial, ekonomi politik dan sebagainya yang dikatakan masih memperlihatkan sentimen perkauman kerana telah lama terpahat semenjak sebelum kemerdekaan lagi. Usaha untuk mengintegrasikan perpaduan berdasarkan satu identiti tidak dapat diterima oleh orang bukan Melayu. Manakala usaha ke arah memupuk perpaduan melalui pembentukan identiti diri merupakan usaha yang perlu dilaksanakan seawal peringkat kanak-kanak dan seterusnya peringkat golongan muda yang merupakan pelapis kepimpinan negara. Jayum (2005) menghuraikan konsep perpaduan yang berkait rapat dengan konsep integrasi dan kedua-dua konsep sering tafsir mentafsir antara satu sama lain. Oleh itu, perpaduan juga perlu dilihat dari segi integrasi nasional kerana ianya saling berkaitrapat dengan perpaduan dan kedua-duanya adalah sama penting untuk difahami serta dihayati oleh semua pihak.

Perpaduan perlu difahami dari segi proses menyatukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air (Shamsul, 2007). Ini disokong dengan maklumat oleh Mansor Mohd Noor (2009) berhubung dengan kenyataan mantan Perdana Malaysia yang Keempat Tun Mahathir Mohamad pada 31 Januari 1992 iaitu:

“Building a nation out of diverse people with differing historical, ethic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared values, (3) a feeling of common identity and (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment and an (7) emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos. The emergence of all these factors in turn involves other prerequisites” (Mahathir, 1992).

Che Rokiah & Rosbi (2012) mengupas perpaduan dari segi konsep perpaduan, semangat nasionalisme dan cintakan negara yang telah diterapkan semenjak pemimpin terdahulu lagi. Bermula daripada Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Abdullah, semua gagasan tersebut memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Termasuk apa yang dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menekankan tentang perpaduan ketika menyampaikan ucapan di Majlis Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan pada 1 Ogos 1988 mengatakan bahawa:

“Pergolakan dan pergaduhan yang telah dan berlaku di sebilangan negara lain disebabkan bukan sahaja kerana pertelingkahan antara kaum, bahkan

juga kerana pertelingkahan antara rakyat dari kaum yang sama” (Mahathir, 1998).

Mahathir Mohamad (1998), turut menyentuh tentang keperluan bangsa Malaysia yang bersatu dalam menghadapi cabaran masa depan yang lebih maju; “*kita menjadi bangsa Malaysia sebagai ‘political identity’ sahaja, .matlamat kita ialah satu bangsa Malaysia yang mudah dikenali sebagai unik bagi warganegara Malaysia tanpa menghapuskan unsur-unsur budaya kaum yang berlainan kaum*”.

Abdul Rahman & Muhamed Nor Azman Nordin (2009), menjelaskan bahawa pembangunan Malaysia tidaklah mudah tanpa melalui masalah perpaduan kaum. Permuafakatan dan persefahaman adalah asas kepada kestabilan politik dan keamanan sosial bagi membolehkan pembangunan ekonomi berjalan dengan pesat. Perkara ini juga ditekankan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ketiga Tun Hussien Onn, yang mengatakan bahawa empat faktor penting yang saling memerlukan antara satu sama lain iaitu politik, ekonomi, perpaduan dan keselamatan yang menjadi tunjang kepada kestabilan dan kemakmuran negara (Abdul Rahman Abdul Aziz & Muhamed Nor Azman Nordin, 2009).

Kepelbagaiannya kaum masih menjadi penghalang kepada pembinaan bangsa Malaysia di mana perpaduan masyarakat masih tidak mendalam, kerana pada pokoknya ia berasaskan kepada toleransi. Menurut Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011), yang kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap pemeliharaan dan pemerkasaan perpaduan antara kaum dapat menghindari terjadinya peristiwa yang boleh mengugat keamanan negara.

Menurut Asrizal (2013), Gagasan 1Malaysia bertujuan mengukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia berasaskan perasaan saling hormat dan percaya mempercayai dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Perpaduan yang digambarkan oleh Gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara lain di mana identiti kaum dilenyapkan dan diganti dengan identiti nasional yang sama. Persefahaman dan perpaduan antara kaum yang kita capai hari ini masih di tahap sederhana dan usaha perlu diteruskan agar generasi hadapan lebih memahami aspirasi negara untuk muncul sebagai model utama dalam aspek perpaduan dan kerjasama antara kaum (Wan Hashim, 2005).

Semua usaha yang telah dibuat melalui dasar kerajaan yang digubal serta program perpaduan yang dilaksana dengan komitmen pemimpin negara untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara tidak akan tercapai dengan mudah sekiranya tidak mendapat sokongan daripada semua pihak terutama masyarakat. Keharmonian tercapai dengan wujudnya sifat saling memahami antara satu sama lain dikalangan masyarakat yang pelbagai kaum di Malaysia dengan tradisi, kebudayaan dan agama yang berbeza (Abdul Rahman & Muhamed Nor Azman, 2009). Persefahaman juga tidak hanya dicapai atas perbezaan kaum tetapi juga sesama insan yang mempunyai perbezaan pandangan serta ideologi yang perlu dihormati.

JPNIN mewujudkan RT di peringkat komuniti setempat bertujuan untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang merapatkan hubungan antara pelbagai etnik, kerjasama dan interaksi masyarakat (sama ada sesama etnik atau antara pelbagai etnik) dalam kawasan kejiraninan di bandar dan pinggir bandar. Dengan adanya kerjasama dan interaksi seumpama ini, dapat mewujudkan perasaan saling mempercayai, hormat-menghormati, sikap toleransi dan persefahaman antara satu sama lain di kawasan kejiraninan. Maka, akan wujudlah suasana yang harmoni selain meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik.

1.3 Rukun Tetangga

Pertubuhan atau badan sukarela merupakan organisasi bukan kerajaan yang terdiri daripada ahli-ahli yang dikumpulkan untuk memenuhi keperluan ahli-ahli sendiri serta keperluan masyarakat melalui penyediaan perkhidmatan yang diperlukan. Ianya merupakan sebuah badan korporat yang sah atau berdaftar di mana semua urusan berpandukan kepada dasar dan peraturan-peraturan pertubuhan yang telah ditetapkan dalam perlembagaan dan undang-undang berkenaan. Di Malaysia terdapat agensi kerajaan yang berbentuk sukarela dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berperanan membangunkan komuniti atau masyarakat di semua peringkat sama ada tempatan dan nasional.

Walaupun kerajaan merupakan agen penting ke arah mensejahterakan masyarakat, kerjasama daripada NGO adalah amat penting bersama-sama dan bekerjasama untuk memastikan kesejahteraan masyarakat lebih terjamin. Penglibatan sukarelawan penting menggerakkan aktiviti sesuatu organisasi dan pertubuhan. Kebanyakan sukarelawan menyertai berbagai jenis organisasi yang terdiri daripada pelbagai golongan dari serata tempat dan pelbagai latar belakang. Komitmen dan kesungguhan yang tinggi (Kandasamy, 2002) yang ada dalam diri sukarelawan akan memberikan impak yang besar dan bermakna kepada masyarakat.

Kajian ini memberi tumpuan kepada pertubuhan sukarela yang didaftarkan di bawah JPNIN iaitu RT. RT merupakan organisasi yang terbesar dimiliki oleh agensi kerajaan selain pengurusan dan pentadbiran RT diuruskan oleh Ahli Jawatankuasa RT dengan bimbingan Pegawai Perpaduan Daerah dan dilantik oleh Pengarah JPNIN Negeri yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat yang bermastautin serta mewakili pelbagai golongan dan etnik di Kawasan RT yang ditubuhkan.

RT telah ditubuhkan pada tahun 1975 berdasarkan keputusan Jemaah Menteri yang meluluskan undang-undang menguatkuasakan Rancangan Rukun Tetangga (RT) melalui Peraturan-Peraturan Perlu (Masyarakat Berdikari), 1975 (Tun Abdul Razak, 1975) yang bermatlamat untuk masyarakat berbilang kaum mengenali antara satu sama lain sambil mengawal keselamatan kawasan masing-masing (Tun Abdul Razak, 1975). RT dilihat sebagai badan sukarelawan di peringkat komuniti yang terbesar berdasarkan jumlah KRT yang ditubuhkan yang banyak, selain berdaya maju dan aktif. Jawatankuasa RT dan penduduk setempat turut terlibat sebagai ahli RT dan pembiayaan RT

kebanyakannya melalui inisiatif sendiri serta hanya sebilangannya dibiayai oleh kerajaan melalui pemberian geran kepada RT mengikut tahap keaktifan RT.

Pada peringkat awal penubuhan, RT diberi nama sebagai Skim Rukun Tetangga dilancarkan pada 29 Ogos 1975 oleh Perdana Menteri, iaitu Tun Abdul Razak di Sektor Rukun Tetangga Kampung Kassipillay, Kuala Lumpur (Letchumanan, 2013). Pada peringkat awal, penubuhan Rukun Tetangga untuk menjaga aspek keselamatan masyarakat di kawasan kediaman kerana pelbagai masalah yang berlaku rentetan daripada peristiwa 13 Mei 1969. Syarat penubuhan Kawasan RT yang ideal mestilah penduduknya dalam lingkungan seramai 2,000 orang atau 80 buah rumah dan hendaklah tidak melebihi 6,000 orang penduduk untuk membolehkan jalinan perhubungan yang rapat dan saling mengenali (Mohd Taib, 2009). Peranan utama komuniti RT juga melibatkan aspek penganjuran kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan selain program meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum.

Konsep RT berubah pada 1984, kepada Skim Kejiranan untuk meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan masyarakat. Konsep kejiranan yang berteraskan pemupukan semangat kesetiaan dan kebanggaan terhadap kawasan kediaman, perasaan kekitaan, sikap tanggungjawab memelihara kesejahteraan, keamanan kawasan kejiranan, perasaan persaudaraan dan persahabatan, termasuk sikap muhibah seperti persefahaman, tolongan-menolong, toleransi, menghormati undang-undang dan mencintai negara (Abdul Hamid, 1994). Pada tahun 2001 konsep Rukun Tetangga berubah ke arah pembangunan komuniti. Fokus Rukun Tetangga ke arah pembangunan komuniti melibatkan aktiviti berbentuk “pendidikan sepanjang hayat” dan memperkasakan komuniti ke arah meningkatkan keupayaan masyarakat terhadap perubahan sosial dan gaya hidup (Ruslan, 2007).

Kajian Ainon (2002) menunjukkan program kejiranan kurang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat, oleh itu pada tahun 2001 pendekatan kejiranan telah ditukar kepada pendekatan baru iaitu pembangunan komuniti. Selari dengan kajian oleh Rashid Saad (2004), yang menjelaskan transformasi RT, iaitu RT Alaf Baru (RT 21) yang memenuhi keperluan dan kesediaan komuniti dalam menghadapi alaf baru iaitu perubahan dari konsep ‘kawalan keselamatan’ kepada ‘pembangunan komuniti’. Mohd Syariehudin (2013) pula menjelaskan berbagai perubahan transformasi RT selama lebih 30 tahun penubuhan RT yang dilihat mengikut kesesuaian perubahan zaman dan modenisasi negara.

Shamsul (2008) menghuraikan RT dibentuk untuk memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ini jelas dilihat berdasarkan peranan yang dimainkan oleh RT sejak penubuhannya hingga kini, peranan RT tetap sama dalam konteks meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat walaupun sepanjang penubuhannya berbagai pendekatan diperkenalkan dari pendekatan memelihara keselamatan hingga pembangunan komuniti yang menjurus ke arah matlamat perpaduan. Alias Mohamad (2005) menerangkan konsep RT dengan lebih terperinci seperti berikut:

1. RT membina komuniti dengan menggalakkan penyertaan dan tanggungjawab kepada Rukun Tetangga masing-masing dalam membangunkan komuniti;
2. RT menjadi jambatan antara pemimpin dan orang ramai iaitu Rukun Tetangga sebagai platform kepada kedua-dua pihak melalui aktiviti sosial;
3. RT meningkatkan keupayaan komuniti untuk menghadapi cabaran perubahan sosial, corak kehidupan dan sistem kekeluargaan;
4. RT meningkatkan kualiti kehidupan melalui perkhidmatan sosial
5. RT menggalakkan penyertaan yang aktif kalangan ahli dalam menggalakkan ‘Satu Sektor KRT Satu Produk’;
6. RT menggalakkan penglibatan golongan profesional dan berpendidikan tinggi, golongan korporat, pesara dan penjawat awam yang boleh memimpin Rukun Tetangga; dan
7. RT menggalakkan hubungan kaum dan integrasi nasional.

Konsep RT yang dijelaskan oleh Alias (2005) tentang keperluan menggalakkan penyertaan dalam membangunkan RT berperanan penting menjadi penghubung ke arah pembangunan komuniti serta kesejahteraan masyarakat setempat selain memainkan peranan untuk menggalakkan masyarakat untuk terlibat secara langsung dalam kerja komuniti perpaduan yang memberikan impak yang positif kepada masyarakat.


Perkembangan mutakhir RT, iaitu penggubalan Akta RT 2012 yang berkuatkuasa pada 22 Jun 2012 berkaitan dengan keanggotaan RT dan Skim Rondaan Sukarela, menggalakkan kerjasama di antara Kawasan RT, membernarkan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga bagi beberapa RT dalam sesuatu kawasan dan memperuntukkan pelepasan waktu kerja oleh majikan (Gandesan, 2013). Akta RT 2012 yang dibuat dari sudut perundangan, melibatkan fungsi dan tugas Jawatankuasa RT dirujuk pada (Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012), iaitu:

- i) Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranian, perpaduan, muhibbah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama dan kualiti hidup dalam kalangan anggota masyarakat
- ii) Menerima maklumat untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai untuk memerhati, menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan tersebut kepada Pengarah;
- iii) Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;
- iv) Menyediakan pengantara dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selain menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat; dan
- v) Menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.

Kenyataan dalam Akta RT 2012 menunjukkan bahawa komitmen dari segi penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak terutama Jawatankuasa RT dan komuniti diperlukan dari segi menggembangkan tenaga serta kepakaran ke arah penglibatan dalam

aktiviti anjuran RT. Skim Rondaan Sukarela (SRS) juga salah satu perkara yang disentuh dalam Akta RT 2012 yang diperkenalkan oleh Jabatan JPNIN pada 21 Februari 2004 dan dilaksanakan di 23 Kawasan RT di Pulau Pinang.

Penglibatan SRS dalam kalangan masyarakat bermatlamat membantu pihak berkuasa mencegah jenayah dan masalah sosial. Selain daripada rondaan SRS, Wan Halim (2003) menyatakan bahawa kaedah pendampingan RT juga merupakan kaedah usaha untuk mencegah berlaku gejala sosial. Oleh itu, komitmen RT dari aspek keselamatan bukan hanya dilihat berperanan menjaga keselamatan komuniti termasuk mendampingi masyarakat melalui aktiviti yang bersesuaian untuk memelihara keharmonian dan kesejahteraan komuniti.



Rajah 1 : Organisasi Jawatankuasa Rukun Tetangga

Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2013

Rajah 1 menunjukkan organisasi Jawatankuasa RT yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi, seorang Bendahari dan Setiausaha serta Penolong Setiausaha bersama sekurang-kurangnya dua puluh anggota RT. Jiran Wanita diwujudkan sejak tahun 1983 merupakan salah satu cawangan di bawah Jawatankuasa RT bertanggungjawab memperbanyakkan aktiviti khususnya bagi wanita di Kawasan Rukun Tetangga. Jiran Usia Emas pula golongan berusia yang menjalankan aktiviti kejiranan yang memberikan peluang kepada mereka menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat. Tunas Jiran pula terdiri daripada kanak-kanak peringkat tabika sehingga sekolah rendah yang terlibat dengan aktiviti yang bersesuaian dengan mereka.

Jiran Muda ditubuhkan bertujuan untuk menarik golongan muda terlibat dalam aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti disamping mewujudkan interaksi di antara rakan sebaya dan komuniti setempat. Selain menarik dan melibatkan golongan remaja dalam aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti ke arah mencapai objektif Rukun Tetangga. Di samping mewujudkan interaksi di antara rakan sebaya dan komuniti dalam kawasan kejiranan ke arah pembangunan komuniti belia melalui perpaduan. Fokus kajian ini ialah mengukur tahap pengetahuan, persepsi dan penglibatan Jiran Muda iaitu sebagai salah satu Jawatankuasa dibawah RT dan melalui penglibatan mereka dalam aktiviti RT.

JPNIN menetapkan teras konsep Jiran Muda ialah remaja dalam kawasan RT yang merancang dan melaksanakan aktiviti yang memberikan faedah kepada semua remaja dan keahlian Jiran Muda terbuka kepada remaja berumur 13 hingga 21 tahun yang bermastautin dalam Kawasan Rukun Tetangga (Gandesan, 2013). Walau bagaimanapun konsep ini masih perlu dilihat semula iaitu sejauh manakah tahap penglibatan Jiran Muda di peringkat komuniti sama ada telah mencapai ke tahap merancang dan melaksanakan aktiviti RT berdasarkan konsep yang ditetapkan oleh pihak JPNIN.

JPNIN telah menetapkan bahawa tujuan Jiran Muda diwujudkan iaitu seperti yang dinyatakan oleh (Gandesan, 2013) seperti berikut:

1. Membantu Rukun Tetangga mewujudkan peluang kepada penduduk setempat bertemu, berkenalan dan menjalinkan perhubungan baik diantara satu sama lain;
2. Memberi latihan kepimpinan dan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial; dan
3. Memberi peluang untuk memperolehi pengetahuan dan kefahaman tentang kehidupan dalam masyarakat pelbagai budaya.

Tujuan penubuhan cawangan Jiran Muda dalam organisasi RT bukan sekadar dari segi penyertaan dan penglibatan dalam aktiviti anjuran RT, malah Jiran Muda juga dilihat sebagai agen perubahan sosial yang memainkan peranan penting dalam membantu RT untuk melibatkan seluruh komuniti setempat untuk turut terlibat dalam program anjuran RT. Selain Jiran Muda perlu mempunyai kemahiran kepimpinan dan pembangunan diri termasuk pengetahuan tentang kebudayaan dan kepelbagaiannya masyarakat berbilang kaum.

Klein (2006) pula menyatakan bahawa pembangunan diri generasi muda lebih berkesan dengan agensi atau organisasi yang berkaitan dengan komuniti di kawasan kediaman mereka. Dalam kajian ini Rukun Tetangga memainkan peranan sebagai organisasi yang terlibat dalam membangunkan diri Jiran Muda khususnya di kawasan kejiranan. Jumlah Ahli Jawatankuasa Jiran Muda sehingga Jun 2016 iaitu sebanyak 31,215 orang di seluruh Malaysia manakala sebanyak 1,019 ahli Jawatankuasa Jiran Muda di Selangor. Aktiviti yang melibatkan Jiran Muda pula sehingga bulan Jun 2016, iaitu sebanyak 3,265 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional).

Jadual 1.1 : Ahli Jawatankuasa Jiran Muda Seluruh Malaysia Tahun 2016

Bil.	Negeri	Ahli Jawatankuasa Jiran Muda (orang)
1.	Perlis	830
2.	Kedah	2,943
3.	Pulau Pinang	1,044
4.	Perak	2,572
5.	Selangor	2,789
6.	W.P Kuala Lumpur	696
7.	W.P Putrajaya	89
8.	Negeri Sembilan	1,170
9.	Melaka	660
10.	Johor	487
11.	Pahang	2,638
12.	Terengganu	3,065
13.	Kelantan	2,757
14.	Sarawak	3,760
15.	Sabah	5,471
16.	W.P Labuan	198
Jumlah Keseluruhan		31, 215

Sumber: Laporan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, JPNIN Putrajaya, 2016

Sejak penubuhannya, jumlah RT telah meningkat setiap tahun sehingga kini jumlah RT seluruh Malaysia sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 7,638 (Laporan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, JPNIN Putrajaya, 2016), walau bagaimanapun jumlah peningkatan RT itu tidak seiring dengan jumlah cawangan Jiran Muda yang sepatutnya sama dengan jumlah RT seluruh Malaysia. Ini bermakna tidak semua RT mempunyai cawangan Jiran Muda. Jumlah Jawatankuasa Jiran Muda yang sedikit menunjukkan kurangnya penekanan pihak JPNIN terhadap penubuhan cawangan Jiran Muda dan secara tidak langsung memberi kesan terhadap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT. Penglibatan golongan muda dalam aktiviti RT perlu ditekankan selaras dengan penekanan usaha kerajaan untuk merealisasikan Gagasan 1Malaysia, iaitu menggalakkan interaksi sosial yang dapat diterjemahkan melalui penyediaan lebih banyak aktiviti RT. Usaha ini tidak akan membawa kejayaan sekiranya kurang penglibatan sepenuhnya dari semua lapisan umur masyarakat khususnya golongan muda.

Kajian Wasitah (2012) menunjukkan penglibatan belia dalam program Rakan Muda Jiran Muda merupakan salah satu daripada peluang penyertaan belia dalam komuniti mereka melalui aktiviti rekreasi seperti perkhemahan di kawasan kejiranan mereka. Kajian beliau tentang perbandingan pendekatan program pembangunan belia yang digunakan sebelum ini, disamping mengenalpasti pendekatan mutakhir program pembangunan belia secara menyeluruh yang dapat diterapkan seiring dengan penyerahan potensi belia bagi membolehkan belia menerokai kebolehan serta aset positif dalam diri mereka seharusnya dijadikan rujukan sebagai salah satu daripada

program kemasyarakatan yang berjaya menarik minat golongan muda untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Program Rakan Muda Jiran Muda ini sepatutnya diteruskan untuk menggalakkan penglibatan Jiran Muda secara aktif di kawasan RT.

1.4 Pernyataan Masalah

Perpaduan masyarakat merupakan tonggak kepada keharmonian sesebuah negara. Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik/kaum, oleh itu untuk memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan sejahtera, perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum harus sentiasa dipupuk dan dibajai dari peringkat awal terutama kalangan generasi muda. Sejak negara ini berjuang untuk mencapai kemerdekaan, setelah mencapai kemerdekaan dan sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969, konsep perpaduan kaum boleh dikatakan sentiasa terdapat dalam setiap dokumen kerajaan (Abdul Rahman, 2014). Walau bagaimanapun, seperti yang diungkapkan oleh Abdul Rahman Embong (2010), perpaduan kaum yang wujud di negara ini sebahagian besarnya masih bersifat lahiriah dan masih belum berkembang ke peringkat yang lebih tinggi iaitu perpaduan yang mendalam berasaskan saling menghormati dan menghargai kepelbagaian.

Interaksi kaum di peringkat komuniti juga adalah pada tahap fungsional, di mana masyarakat berkomunikasi dan berinteraksi kerana fungsi dan situasi tertentu. Perpaduan dan integrasi yang kukuh di peringkat komuniti memerlukan hubungan yang melampaui tahap fungsi dan berpaksikan kepada toleransi, persefahaman dan kerjasama yang tinggi. Walaupun perpaduan di peringkat komuniti adalah pada tahap yang baik namun interaksi di antara kaum masih boleh dipertingkatkan melalui aktiviti yang dirancang dengan baik.

Semangat kesukarelawanan, perpaduan kaum, keterlibatan dalam sesuatu perkara, tradisi berkongsi dan amalan membantu semakin luntur apabila masyarakat bersikap individualistik (Clary & Synder, 1999). Oleh demikian, soal perpaduan dan hubungan di antara kaum menjadi agenda penting negara dalam memastikan kestabilan sosial, ekonomi dan politik sentiasa terjamin. Kajian semangat perpaduan dalam kalangan golongan muda adalah penting bagi mengenalpasti situasi perpaduan pada masa kini. Perpaduan penting kerana sentimen perkauman boleh merobohkan benteng perpaduan sebagaimana yang telah berlaku pada 13 Mei 1969. Nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum harus dipertahankan agar ia dapat mengekalkan keharmonian kaum. Oleh itu, untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia perlulah bermula dari akar umbi termasuklah belia di kawasan kejiranan Rukun Tetangga. Maka tinjauan awal perlulah dilakukan agar gambaran sebenar dapat diperolehi bagi merangka strategi yang bersesuaian dalam pengukuhan perpaduan nasional.

Persekutuan sosial masyarakat hari ini berhadapan pelbagai cabaran terutama kesediaan golongan muda dalam menerima perpaduan dalam kepelbagaian. Insiden yang berlaku yang melibatkan hubungan etnik di Malaysia juga turut melibatkan generasi muda. Kestabilan hubungan etnik di Malaysia pada masa hadapan bergantung kepada semangat perpaduan kalangan generasi muda yang seharusnya diberikan tumpuan utama oleh

semua pihak terutama pihak pemegang taruh. Persoalan ini perlu difikirkan melalui kajian secara terperinci untuk mengetahui tahap semangat perpaduan golongan muda, iaitu dengan mengukur tahap pengetahuan tentang Rukun Tetangga dan perpaduan, persepsi tentang nilai perpaduan serta mengukur penglibatan golongan muda, iaitu Jiran Muda dalam aktiviti anjuran Rukun Tetangga oleh JPNIN. Perpaduan nasional merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama di antara pelbagai pihak termasuk Badan Bukan Kerajaan seperti RT. Pengukuhan perpaduan nasional juga harus dipikul oleh kerajaan yang mendapat mandat daripada rakyat untuk memastikan kestabilan, keselamatan dan kedudukan negara sentiasa dalam keadaan aman, bebas, makmur dan merdeka, rakyat harus berdiri teguh mempertahankan kepentingan negara mengatasi kepentingan individu (Ishak et. al, 2014). Dalam konteks kajian ini, JPNIN merupakan agensi yang perlu memainkan peranan utama dalam mengukuhkan semangat perpaduan melalui saluran RT.

Sarjit & Wan Amir Zal (2008) menegaskan persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan tingkah laku individu dan masyarakat. Tahap persepsi Jiran Muda tentang nilai perpaduan penting dikaji sebagai rujukan tentang pandangan golongan muda yang perlu diambilkira dalam merencana program dan aktiviti perpaduan. Kebelakangan ini, pengukuhan perpaduan dalam kalangan Jiran Muda dalam RT kurang mendapat perhatian pihak JPNIN, ini terbukti berdasarkan statistik JPNIN yang menunjukkan jumlah cawangan Jiran Muda hanya sebanyak 4,905 seluruh Malaysia dan ianya tidak selari dengan jumlah Rukun Tetangga di seluruh Malaysia iaitu sebanyak 7,638 seluruh Malaysia sehingga April 2016 (Laporan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, JPNIN Putrajaya, 2016).

Ini menunjukkan bahawa JPNIN masih kurang memandang serius dalam usaha mengukuhkan aktiviti perpaduan dalam kalangan Jiran Muda yang juga merupakan pelapis pemimpin di peringkat komuniti seperti yang telah dirancang pada peringkat awal penubuhan cawangan Jiran Muda. Walaupun berdasarkan Pekeliling penubuhan RT, setiap RT diwajibkan mempunyai cawangan Jiran Muda namun data statistik dari Ibu Pejabat JPNIN menunjukkan tidak keseluruhan RT yang mempunyai cawangan Jiran Muda dan tidak semua Jiran Muda pula terlibat secara aktif dalam aktiviti RT.

Jadual 1.2 : Cawangan Jiran Muda Seluruh Malaysia Sehingga Jun 2016

Bil.	Negeri	Cawangan Jiran Muda
1.	Perlis	120
2.	Kedah	426
3.	Pulau Pinang	175
4.	Perak	432
5.	Selangor	432
6.	W.P Kuala Lumpur	116
7.	W.P Putrajaya	45
8.	Negeri Sembilan	195
9.	Melaka	110
10.	Johor	432
11.	Pahang	405
12.	Terengganu	444
13.	Kelantan	460
14.	Sarawak	649
15.	Sabah	863
16.	W.P Labuan	33
Jumlah Keseluruhan		4,905

Sumber: Laporan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, JPNIN Putrajaya, 2016

Kajian ini penting bagi mengetahui semangat perpaduan khususnya dalam kalangan Jiran Muda dalam organisasi RT dan hubungkaitnya dengan tahap pengetahuan, persepsi dan penglibatan dengan semangat perpaduan Jiran Muda melalui aktiviti RT.

Generasi muda perlu mempunyai kekuatan luaran dan dalaman untuk melahirkan kesetiaan pada tanah air, mendokong Perlembagaan dan Rukun Negara dalam usaha mempertahankan kemerdekaan dan mencapai Wawasan 2020 (Sivamurugan Pandian, 2005). Jiran Muda juga perlu memainkan peranan penting di peringkat komuniti khususnya dalam kerja kemasyarakatan yang memberikan ruang serta peluang kepada mereka untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat. Selain menjadi pemimpin dalam merencana aktiviti atau program tertentu yang memberikan impak ke arah peningkatan semangat perpaduan. Menurut Syed Othman (2005), untuk mendapat perpaduan yang sejati dan berterusan yang disarankan oleh kerajaan, ia harus bermula di sekolah dan diteruskan dalam pergaulan kejiranan dan lokasi yang berdekatan. Dalam konteks kajian ini, semangat perpaduan dilihat melalui persepsi Jiran Muda tentang perpaduan dalam aktiviti Jiran Muda anjuran Rukun Tetangga.

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dijelaskan di atas maka persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah hubungkait tahap pengetahuan Jiran Muda tentang Rukun Tetangga di KRT daerah Hulu Langat, Selangor dengan semangat perpaduan?
2. Apakah hubungkait persepsi Jiran Muda terhadap nilai perpaduan dari aspek nilai murni dan pergaulan di Rukun Tetangga daerah Hulu Langat, Selangor dengan semangat perpaduan?
3. Apakah hubungkait tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga di KRT daerah Hulu Langat, Selangor dengan semangat perpaduan?
4. Apakah tahap persepsi semangat perpaduan dalam kalangan Jiran Muda di Rukun Tetangga daerah Hulu Langat, Selangor?

1.5 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini untuk menganalisis pengetahuan, persepsi, penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga serta semangat perpaduan dalam kalangan Jiran Muda RT.

1.6 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti hubungkait semangat perpaduan dengan tahap pengetahuan Jiran Muda tentang peranan Rukun Tetangga di KRT daerah Hulu Langat, Selangor;
2. Mengenal pasti hubungkait semangat perpaduan dengan persepsi Jiran Muda terhadap nilai perpaduan dari aspek nilai murni dan pergaulan di Rukun Tetangga daerah Hulu Langat, Selangor;
3. Mengenal pasti hubungkait semangat perpaduan dengan tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga di KRT daerah Hulu Langat, Selangor;
4. Mengenal pasti persepsi semangat perpaduan kalangan Jiran Muda di Rukun Tetangga daerah Hulu Langat, Selangor.

1.7 Kepentingan Kajian

Organisasi Rukun Tetangga telah melalui berbagai perubahan dalam memberikan khidmat masyarakat yang terbaik ke arah mewujudkan kesedaran tentang kepentingan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang etnik. Dari berkoncepcion keselamatan dan kemudian berubah kepada konsep kejiranan dan seterusnya pembangunan komuniti, RT dilihat meneruskan peranan menyediakan platform yang terbaik untuk memastikan interaksi sosial dapat dilaksanakan melalui aktiviti RT yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum. Pelbagai aktiviti Rukun Tetangga juga diadakan melibatkan semua masyarakat tanpa mengira lapisan umur.

Golongan muda tidak ketinggalan diberikan perhatian melalui cawangan Jiran Muda untuk terlibat dalam aktiviti RT yang memberikan pendedahan untuk belajar menghargai dan memahami kepentingan memelihara keharmonian dan perpaduan masyarakat. Oleh itu, kajian ini amat penting dalam usaha untuk mendapatkan gambaran sebenar persepsi semangat perpaduan golongan muda khususnya Jiran Muda melalui pengetahuan dan

persepsi mereka tentang Rukun Tetangga dan perpaduan dan penglibatan mereka dalam aktiviti RT.

Penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT perlu dinilai untuk mengetahui komitmen Jiran Muda dalam organisasi RT serta sama ada Jiran Muda memainkan peranan penting dalam merancang aktiviti yang bersesuaian untuk golongan muda dapat memahami dan menghayati nilai perpaduan. Selain membantu untuk mewujudkan semangat kejiranan, persekitaran komuniti yang lebih baik terutama dari segi hubungan sosial yang baik seperti saling hormat-menghormati, bertolak ansur dan sebagainya (Benny, 2007). Kajian lepas mencadangkan penyertaan yang paling aktif dalam organisasi sukarela akan membawa kepada peningkatan kepada kejiranan atau komuniti (Bailey, 1974; Rich, 1980). Oleh itu, penglibatan Jiran Muda secara sukarela dan aktif perlu dilihat penting dalam organisasi RT khususnya dalam menjayakan aktiviti RT.

Kajian yang menyeluruh tentang penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT perlu untuk memastikan golongan muda sentiasa diberi ruang dan peluang terlibat dari peringkat awal perancangan dan pelaksanaan program RT. Selain mengemukakan cadangan aktiviti yang bersesuaian untuk menggalakkan golongan muda untuk terlibat dalam aktiviti Rukun Tetangga secara aktif.

Persepsi golongan muda perlu diambil kira iaitu pandangan tentang nilai perpaduan dalam masyarakat khususnya dalam komuniti di kawasan RT. Maklumat yang diperoleh ini akan membantu pelbagai pihak terutama JPNIN untuk dijadikan sebagai rujukan pengukuhan semangat perpaduan dalam membangunkan modul kursus atau program yang bersesuaian dengan keperluan pembangunan belia dan komuniti.

Hasil kajian ini juga memberikan sumbangan maklumat tahap persepsi semangat perpaduan dalam kalangan golongan muda yang terlibat dalam organisasi RT. Sekiranya persepsi tahap semangat perpaduan golongan muda di tahap yang masih boleh dipertingkatkan, organisasi RT perlu memainkan peranan yang lebih pro aktif dengan kerjasama JPNIN dengan membuat pemantauan serta penilaian terhadap peranan dan penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT dari semasa ke semasa supaya memberikan impak ke arah membangunkan potensi Jiran Muda sebagai pemimpin dalam organisasi RT. Akhir sekali, kajian ini turut memberikan sumbangan dalam bidang akademik terutamanya dalam bidang pembangunan komuniti yang melibatkan organisasi komuniti sukarela untuk dijadikan panduan serta rujukan kepada institusi pendidikan tinggi. Selain kajian ini menyumbang ke arah percambahan ilmu pengetahuan dalam bidang pembangunan komuniti yang merupakan bidang tugas Pegawai Perpaduan di JPNIN

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pengetahuan

Definisi Konseptual: Pengetahuan didefinisikan sebagai kapasiti untuk memperoleh, mengekal dan menggunakan maklumat; campuran kefahaman, pengalaman, kearifan

dan kemahiran. Penguasaan pengetahuan ini memerlukan dua asas utama yang saling melengkapi iaitu konsep sesuatu objek itu difikirkan secara keseluruhan di mana hal ini memerlukan kebolehan daya fikir, manakala yang kedua ialah konsep yang diperolehi melalui tanggapan di mana hal ini memerlukan kuasa pancaindera (Ibrahim 1995). Menurut Ibrahim (1995) juga, pengetahuan secara semula jadinya bergantung kepada cara perolehan idea yang berbeza iaitu melalui persepsi atau tanggapan, imaginasi, memori, pengadilan, konsep yang abstrak dan pertimbangan.

Definisi Operasional: Pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan Jiran Muda tentang Rukun Tetangga dan perpaduan. Pengetahuan Jiran Muda tersebut diperoleh berdasarkan pengetahuan mereka melalui RT dan penglibatan mereka dalam aktiviti perpaduan yang dijalankan oleh RT dan JPNIN.

1.8.2 Persepsi

Definisi Konseptual: Persepsi merujuk kepada mekanisme yang bermaksud kesedaran masyarakat tentang dunia luar. Ia boleh diklasifikasikan kepada 5 kategori iaitu penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan (Adam Kuper & Jessica Kuper, 1996).

Definisi Operasional: Dalam konteks kajian ini, kecenderungan golongan muda dinyatakan melalui reaksi serta pandangan mereka tentang nilai perpaduan dari aspek nilai murni dan pergaulan komuniti di kawasan kejiranan mereka dan melalui pengalaman mereka melibatkan diri dalam aktiviti anjuran RT dan JPNIN.

1.8.3 Penglibatan

Definisi Konseptual: Penglibatan atau juga disebut penyertaan komuniti dalam keseluruhan proses kerja amat penting. Komuniti mesti terlibat atau ikut serta dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian dan penambahbaikan kerja di setiap peringkat. Penyertaan didefinisikan sebagai proses di mana individu mengambil bahagian membuat keputusan dalam institusi, program dan persekitaran yang mempengaruhi mereka (Wandersman, 1984).

Definisi Operasional: Dalam konteks kajian ini, penglibatan komuniti merujuk kepada penglibatan Jiran Muda secara sukarela dalam aktiviti perpaduan yang dijalankan oleh RT sama ada sebagai perancang, pelaksana atau peserta. Penglibatan juga mereka juga secara sukarela dalam semua program anjuran RT dan JPNIN.

1.8.4 Belia

Definisi Konseptual: Belia merujuk kepada Dasar Pembangunan Belia Negara mengikut perspektif Malaysia diiktiraf sebagai berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

Definisi Operasional: Belia dalam kajian ini merujuk kepada Jiran Muda di Kawasan Rukun Tetangga daerah Hulu Langat yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun yang terlibat dalam aktiviti anjuran Rukun Tetangga di bawah naungan JPNIN.

1.8.5 Komuniti

Definisi Konseptual: Konsep komuniti adalah merujuk kepada kelompok –kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu di mana iaanya dapat dipecahkan kepada ciri- siri seperti; (i) terdiri daripada sekelompok manusia; (ii) ahli dalam komuniti berinteraksi dalam kumpulan yang sama; (iii) menjalankan aktiviti yang khusus dan saling berkaitan; (iv) aktiviti adalah disusun berasaskan kepada kebudayaan dan sistem sosial; (v) setiap anggota dalam masyarakat menganggap dirinya sebahagian daripada komuniti dan (vi) ahli yang ada bersatu padu dan bertindak mengikut sistem sosial yang terbentuk dan dipersetujui (Mohd Syariehudin, 2013).

Definisi Operasional: Dalam konteks kajian ini, komuniti merujuk kepada komuniti Rukun Tetangga yang telah diperkenalkan pada tahun 1975 dibawah Peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 dan pada Pada 21 Jun 2012 Rukun Tetangga yang tertakluk kepada Akta Rukun Tetangga 2012.

1.8.6 Perpaduan

Definisi Konseptual: Menurut Mior Hamzah & Rashidah (2004), maksud perpaduan kata akarnya dari perkataan padu membawa maksud mampat, padat, pejal, tumpat dan keempat-empat perkataan ini menggambarkan satu keadaan yang mana tidak ada ruang kosong bagi ditembusi sesuatu sama ada udara (angin) sekalipun. Dalam konteks di Malaysia, perpaduan dapat dihasilkan melalui proses penyeragaman penduduk pelbagai suku Kaum kepada satu persamaan yang boleh diterima bersama (Mior Hamzah & Rashidah, 2004).

Definisi Operasional: Dalam konteks kajian ini perpaduan dilihat dari sudut nilai-nilai murni sejahtera dikalangan masyarakat pelbagai kaum yang dikongsi bersama bagi mewujudkan semangat perpaduan khususnya dalam komuniti Rukun Tetangga yang terlibat dalam pelbagai program serta usaha ke arah mengukuhkan perpaduan masyarakat.

1.8.7 Nilai Perpaduan

Definisi Konseptual: Pengertian nilai yang sebenar dan betul perlu diserapkan di kalangan remaja iaitu mestilah bersesuaian dengan kehendak agama dan budaya masyarakat Malaysia. Dalam usaha pembinaan insan, sejak awal lagi perlu diberi pengisian yang betul supaya matang dalam mencari nilai yang sejati (Zulhilmi & Rohani, 2005). Perkongsian nilai dari sudut sejarah sebagai anak Malaysia merdeka, perkongsian identiti kebangsaan seperti Jalur Gemilang, perkongsian sistem keadilan seperti perlombagaan juga perkongsian yang mewujudkan rasa kekitaan yang kukuh terhadap

bangsa Malaysia (Zulhilmi & Rohani, 2005). Menurut Abdul Halim & Rakan - Rakan (1998), Media massa juga perlu mengambil tanggungjawab sosial dalam menjuruskan remaja bagi mencari nilai yang baik dan bersesuai dengan kehendak agama dan negara.

Definisi Operasional: Dalam konteks kajian ini nilai perpaduan yang dilihat dalam pergaulan masyarakat pelbagai kaum iaitu seperti: (i) saling menghormati; (ii) bekerjasama; (iii) bersikap toleransi dan (iv) bertanggungjawab.

1.8.8 Semangat Perpaduan

Definisi Konseptual: Semangat perpaduan pula bagi membentuk masyarakat yang baik, seharusnya mempunyai sifat dan semangat patriotik atau semangat nasionalisme yang tinggi Mior Hamzah & Rashidah 2004). Menurut Ahmad Shah (2013), perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan saling menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum.

Definisi Operasional: Kajian ini memfokuskan kepada sikap saling hormat-menghormati, berinteraksi dan berbaik sangka melalui memahami budaya dan agama kaum lain dalam kalangan golongan muda di Kawasan Rukun Tetangga. Selain mengetahui tahap semangat patriotik atau semangat nasionalisme di kalangan golongan muda yang merupakan ukuran kepada semangat perpaduan yang diterapkan melalui aktiviti Jiran Muda yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga.

1.9 Limitasi Kajian

Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah (*convenience sampling*). Lokasi kajian di negeri Selangor, Malaysia iaitu di daerah Hulu Langat. Melihat kepada batasan yang ada dalam kajian ini, penyelidik menghadkan kajian ini kepada perkara seperti berikut:


- i. Responden kajian seramai 362 orang yang berumur lingkungan umur 13 hingga 21 tahun yang merupakan Jiran Muda di Kawasan Rukun Tetangga yang dipilih oleh Pegawai Perpaduan Daerah Hulu Langat yang melibatkan RT yang mempunyai Jiran Muda yang menjawab borang soal selidik kajian.
- ii. Tumpuan kajian adalah terhadap pengetahuan dan persepsi dan penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti anjuran RT di kawasan RT masing-masing selain menghadiri Kursus Sukarelawan Jiran Muda yang dianjurkan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) dan kursus motivasi oleh JPNIN Hulu Langat.
- iii. Dapatan dari kajian ini terhad kepada tahap pengetahuan, tahap persepsi nilai perpaduan, tahap penglibatan Jiran Muda yang pernah menyertai aktiviti Jiran Muda dan tahap persepsi semangat perpaduan dalam kalangan Jiran Muda di kawasan RT terpilih.
- iv. Kajian ini merupakan sampel bias kerana mewakili majoriti satu kaum walaupun terdapat beberapa sampel dari kaum lain namun ianya terpaksa dikeluarkan kerana jumlah yang terlalu kecil.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, definisi konseptual dan operasional serta objektif kajian termasuk kajian literatur yang telah dibuat pengkaji membentuk rangka konseptual kajian bagi memudahkan untuk menjelaskan kajian ini (Rajah 1). Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah pengetahuan, persepsi dan penglibatan. Pemboleh ubah pengetahuan ialah melibatkan pengetahuan tentang Rukun Tetangga dan perpaduan. Manakala Pemboleh ubah persepsi pula melibatkan persepsi tentang nilai perpaduan dalam pergaulan masyarakat pelbagai kaum seperti (i) saling menghormati; (ii) kerjasama; (iii) bersikap toleransi dan (iv) bertanggungjawab. Manakala pemboleh ubah penglibatan diukur melalui penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti perpaduan iaitu berdasarkan bidang aktiviti Rukun Tetangga iaitu seperti berikut:

- i. Sosial
- ii. Sukan
- iii. Rekreasi
- iv. Kesihatan dan Alam Sekitar
- v. Kebajikan
- vi. Agama
- vii. Pendidikan
- viii. Kesenian dan Kebudayaan

Manakala pemboleh ubah semangat perpaduan merupakan pemboleh ubah bersandar juga mengukur aspek seperti: (i) semangat patriotik iaitu semangat cintakan negara dan bangsa serta semangat kekitaan dan (ii) perpaduan 1Malaysia iaitu perasaan saling menghormati dan sikap saling mempercayai antara kaum. Tahap semangat perpaduan diukur iaitu pada tahap rendah, sederhana dan tingginya pengetahuan, persepsi dan penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti perpaduan mempunyai hubungkait dengan keseluruhan tahap pengetahuan, persepsi dan penglibatan Jiran Muda dalam kerja komuniti perpaduan.



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian

1.11 Teori Perpaduan

Manusia perlu hidup bermasyarakat demi kelangsungan hidup. Oleh yang demikian, amat penting setiap manusia memahami cara hidup bermasyarakat. Selain memahami budaya masyarakat sendiri, dan yang berlainan disamping berusaha memupuk kerjasama di antara satu sama lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang masyarakatnya berbilang kumpulan etnik dan budaya. Corak masyarakat Malaysia seperti ini berlaku disebabkan oleh perubahan masa dan keadaan, seperti yang berlaku terhadap perubahan struktur politiknya. Sebelum abad ke-18 dan ke-19, Semenanjung Tanah Melayu didiami orang Melayu dan Orang Asli bersama sebilangan kecil kaum lain, tetapi kemudian coraknya telah berubah selepas kedatangan Inggeris yang mewujudkan pembentukan masyarakat majmuk (Ahmad Ali & Warti, 2013).

Menurut Singh (2010), telah menjadi kebiasaan dalam ilmu sosial iaitu penilaian konsep dan teori yang baik tetapi tidak lengkap dalam penjelasannya dalam menerangkan realiti sosial. Dalam konteks perpaduan, tiada satu teori pun yang bersesuaian untuk menjelaskan tentang perpaduan. Walau bagaimanapun teori yang dikemukakan oleh Furnivall yang mengemukakan konsep masyarakat majmuk berdasarkan kajiannya di Indonesia dan Burma boleh dijadikan salah satu dari rujukan untuk memahami kewujudan masyarakat majmuk.

Menurut Furnivall (1948), masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Walaupun pelbagai kaum berganding bahu di bawah sistem politik yang sama tetapi kehidupan mereka adalah berasingan. Interaksi sosial dalam kalangan mereka juga amat berkurangan. Hubungan mereka hanya terbatas hal ekonomi dalam jual beli, pembahagian tugas dilakukan atas garis ras. Kesan pengasingan pekerjaan dan tempat tinggal inilah yang dikatakan menjadi antara faktor renggangnya hubungan antara kaum di Tanah Melayu. Beliau menyatakan seperti berikut:


“Mereka bergaul tetapi tidak bergabung. Setiap kumpulan berpegang kepada agama masing-masing, kebudayaan dan bahasanya sendiri, idea dan cara hidupnya sendiri. Sebagai individu mereka hanya bertemu tetapi di pasar, semasa membeli dan menjual. Wujud masyarakat pluril di mana bahagian komuniti hidup sebelah menyebelah, tetapi berasingan, dalam unit politik yang sama. Berlaku juga dalam bidang ekonomi, di mana pembahagian buruh berlaku mengikut garis ras”, (Furnivall 1948:304).

Idea Furnivall ini juga dibincangkan oleh Smith yang juga menganggap masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya, perpecahan sosial dan perselisihan. Smith juga menganggap masyarakat wujud atas dasar konflik dan paksaan, bukannya atas dasar nilai bersama (Smith, 1936). Manakala Van Den Berghe turut memberikan sumbangan mengenai konsep masyarakat majmuk dengan membezakan kemajmukan sosial iaitu masyarakat dipecahkan kepada kemajmukan budaya yang akhirnya mewujudkan beberapa kelompok etnik. Furnivall, Smith dan Den Berghe menekankan konflik dan perpecahan sebagai unsur ketara dalam masyarakat majmuk (Abu Talib, 1974).

Namun begitu, walaupun teori masyarakat majmuk menekankan konflik dan perpecahan, ianya juga ada memasukkan pentingnya sikap toleransi dan menghormati adat resam kaum lain yang penting dijadikan amalan rakyat Malaysia. Hubungan etnik menjadi ciri penting dalam mencorakkan sistem sosial Malaysia dan menjadi warna kehidupan rakyat Malaysia yang dihayati bersama (Ahmad Ali & Warti, 2013). Dari segi kerangka teoritis, teori masyarakat majmuk masih dijadikan rujukan, namun kajian oleh Coppel dan Hefner telah membuktikan kumpulan etnik memang wujud tetapi gambaran yang mereka hidup terpisah, dan hanya bertembung semasa membeli barang di pasar perlu diteliti kembali (Mansor, 1997). Dalam konteks kajian ini, perhubungan dan interaksi antara berbagai kumpulan etnik dalam penglibatan mereka melalui aktiviti RT tidak dapat dinilai sepenuhnya kerana tidak melibatkan penglibatan etnik lain.

Walau bagaimanapun, kajian ini mengukur persepsi golongan muda tentang nilai perpaduan yang difahami dalam konteks masyarakat majmuk merangkumi aspek sejarah awal pembentukan masyarakat majmuk dan kefahaman itu perlu dilandaskan dengan elemen toleransi serta saling menghormati dan tidak hanya terhad melalui interaksi sosial sahaja. Selain daripada itu, penglibatan daripada golongan muda yang berbilang etnik dalam aktiviti perpaduan perlu dilihat dari sudut interaksi sosial terutama di kawasan ke arah pemupukan perpaduan di kawasan kejiranan. Menurut Rafiai (1991), faktor tempat kediaman boleh mewujudkan peluang perhubungan di antara anggota kumpulan etnik kerana memberikan peluang berinteraksi dan seterusnya mewujudkan semangat kejiranan. Teori ini dijadikan sebagai rujukan untuk melihat sama ada pengukuran persepsi nilai perpaduan diukur hanya dari segi interaksi sosial untuk menetukan semangat perpaduan.

1.11.1 Kerangka Teori



Rajah 3 : Kerangka Teori

Kajian ini menggabungkan beberapa teori untuk saling melengkapi iaitu teori masyarakat majmuk, teori fungsional dan teori penglibatan. Teori masyarakat majmuk telah diperjelaskan secara terperinci sebagai teori utama untuk memahami bidang kajian mempunyai hubungkait dengan hubungan etnik. Manakala teori fungsional pula dilihat perlu digabungkan dengan teori masyarakat majmuk kerana teori fungsional menjelaskan prinsip penting yang mempunyai kaitan dengan penglibatan, iaitu seseorang individu terlibat dalam aktiviti sukarela untuk memenuhi matlamat tertentu dan mereka boleh terlibat dalam aktiviti yang sama bagi memenuhi fungsi psikologi yang berbeza (Clary et.al., 1998). Oleh itu, penglibatan setiap sukarelawan dalam perkhidmatan sukarela memenuhi fungsi psikologi yang berbeza pada masa berbeza dalam kehidupan mereka (Widjaja, 2010). Menurut Hsieh (2000), teori fungsional menjelaskan bagaimana seseorang individu menggunakan kepercayaan dan tingkahlaku untuk memenuhi motif sosial dan psikologi, serta keperluan matlamat mereka. Teori ini menekankan faedah psikologikal yang penting untuk terlibat dalam kegiatan sukarela, bergantung kepada individu sendiri dalam mengenal pasti apakah motif mereka, dan kemudian memilih situasi yang dapat memenuhi keperluan psikologikal mereka. Selain teori fungsional juga mendorong seseorang individu mempertimbangkan pemilihan yang luas daripada motif peribadi dan sosial yang menggerakkannya untuk terlibat dalam kegiatan sukarela (Clary et al., 1998).

Manakala teori penglibatan komuniti pula dijelaskan oleh Klandermans (1984), iaitu penglibatan seseorang individu turut dipengaruhi secara langsung dengan peluang yang disediakan. Apabila wujud ruang bagi individu untuk turut serta, mereka akan lebih kerap terlibat dengan kerelaan dan inisiatif sendiri buat kali berikutnya. Melalui penyertaan bukan paksaan akan membuatkan seseorang individu akan ikut bergiat cergas dalam aktiviti komuniti. Dalam konteks kajian ini, peluang dan ruang yang disediakan oleh pihak AJK RT telah membuka ruang untuk penglibatan golongan muda dalam aktiviti anjuran RT, walau bagaimanapun semangat kesukarelaan melalui kefahaman tentang perpaduan masih perlu diberikan penekanan dalam usaha untuk menggalakkan penglibatan aktif dalam kalangan Jiran Muda. Oleh yang demikian, penerangan lanjut perlu diberikan kepada Jiran Muda untuk meningkatkan lagi penglibatan mereka. Ini merujuk kepada kenyataan oleh Abd Wahab (2007) yang mengutarakan bahawa masyarakat tempatan akan diberi penerangan terperinci berkaitan dengan kebaikan dengan kebaikan kemajuan yang akan mereka perolehi sekiranya mereka menyertai program pembangunan yang dijalankan.

1.12 Rumusan

Kepentingan pengukuhan perpaduan nasional perlu melalui perhubungan etnik berdasarkan kesedaran perbezaan dimensi kepelbagaian etnik. Oleh itu, melalui aktiviti atau program silang budaya akan mewujudkan pemahaman terhadap kepelbagaian budaya dan agama masyarakat di negara ini. Seterusnya perpaduan juga akan terbina dan perhubungan antara kumpulan etnik akan berada dalam suasana harmoni. Kajian ini menekankan nilai perpaduan ke arah penyatuan hubungan etnik melalui aktiviti RT, namun matlamat perpaduan yang diharapkan melalui peranan RT sebagai perantara dalam menwujudkan perpaduan tidak mencapai objektifnya tanpa perkongsian nilai bersama semua kumpulan etnik.

RUJUKAN

- Abbott, J. (1995). Community participation and its relationship to community development. *Community Development Journal*, 30(2), 158-168.
- Abdul Hamid, E. (1994). *Keperluan dan Kesesuaian Paraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. Satu Penilaian Semula*. Laporan Konvensyen Rukun Tetangga. Jabatan Perpaduan Negara: Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Ahmad, Zulhilmi Paidi & Mohd Afandi Salleh (1998). *Gejala Sosial di Negeri Kedah*. Kertas Penyelidikan Universiti Utara Malaysia: Sintok.
- Abdul Halim Ramli (2009). *Hubungan Kaum di Malaysia Sejarah dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2014). Konsep Perpaduan Tun Dr Mahathir Mohamad. Dlm Kamaruddin M.Said (Peny.), *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif* (ms. 179-195). Kuala Lumpur: Majlis Profesor Negara.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Muhammed Nor Azman Nordin. (2009). *Pemikiran Pembangunan Perdana Menteri*. Kertas kerja dibentangkan di Regional Seminar on Humanities 2009- Managing Asean's Future, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak. Februari 2009.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Muhammed Nor Azman Nordin. (2008). *Nilai Budaya Ikatan Sosial Masyarakat Malaysia Anjuran Lima Perdana Menteri Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Serantau Nilai dan Profesionalisme, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, November 2008.
- Abdul Rahman Embong, (2010). *Research in the Social Sciences & Humanities In Malaysia: A Historical Overview*. Selangor: Penerbit UKM.
- Abdullah, T. (1984). Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia . Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adams, G. R. dan Schvaneveldt, J. D. (1985). *Understanding Research Methods*. New York: Longman.
- Adam, K. dan Jessica, K. (1996). *The Social Science Encyclopedia*. USA: Routledge.
- Abdul Rahman Embong. (2009) Kepelbagaian Kaum, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa Malaysia, Dlm Azrina et.al, *Membina Bangsa Malaysia*, (ms.196-211), Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.

- Afriva Khadir. (2006). Peace by neighbourhood: rukun tetangga sebagai asosiasi persatuan kejiran dan potensi praktikalnya terhadap hubungan antar etnik di Malaysia dan Indonesia. *Demokrasi*, Vol. 2: 103-126.
- Ahmad Ali Seman & Warti Kimi. (2013). *Hubungan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Shah Parkeer Mohamed. (2013). Patriotisme belia ke arah perpaduan dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*, Bil.1: 5-19.
- Ainon Kuntum. (2002). *Konsep Rukun Tetangga Alaf Baru (RT 21): Hala Tuju dan Hala Cara Baru Rukun Tetangga di Bawah Konsep Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara.
- Alias Mohammad. (2005). Managing Rukun Tetangga in a Multicultural Society. Dlm Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan (pnyt.) *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society Promoting National Unity and the Practice of Noble Values*, (ms.115-120). Serdang: Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Arai, S.M., Pedlar, A.M. (1997). Building communities through leisure: Citizen participation in a healthy communities initiative. *Journal of Leisure Research*, 29(2), 167-182.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2003). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang, Selangor: Percetakan Selaseh Sdn Bhd.
- Asnarulkhadi A. S. (2005). Pendayaupayaan komuniti melalui penglibatan: satu penilaian umum terhadap pembangunan komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*. 2: 75-91.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2006). Participation and quality of life: A study on the people's empowerment in a Malay village community. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 14(1), 11-25.
- Asnarulkhadi Abu Samah (2009). Kelompangan Dasar Belia Negara - menyangga potensi belia menerusi pendekatan transformasi konflik. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 1(2), 1-22.
- Asnarulkhadi Abu Samah, Fariborz, Aref (2009). Empowerment as an approach for community development in Malaysia. *World Rural Observations*, 1(2), 63-68.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Permasalahan Belia: Pendekatan Bagi Mendepani Cabaran. Dlm N. A. dan D. D. Haslinda Abdulllah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi (Ed.), *Belia Pewaris 1Malaysia* (ms. 1-21). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Asrizal Mohamed Radzi. (2013). Sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*, Bil.1: 67-81.
- Ayuni Isa. (2014). *Gagasan 1Malaysia dan Korelasi Dengan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Belia*. (Tidak diterbitkan, Tesis Sarjana), Universiti Putra Malaysia.
- Azimi Hamzah dan Turiman Suandi. (1996). *Isu dan cabaran dalam pembangunan belia: beberapa pemerhatian penting*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan.
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Azizan Bahari. (2002). *Menghayati Kerja Sukarela*. Selangor: Qarya Press Sdn. Bhd.
- Azizan Bahari. (2013). *Bekerja dengan Komuniti*. Kuala Lumpur: Qarya Sdn.Bhd.
- Azizan Bahari. (2003). *Generasi Muda Menangani Cabaran*. Kuala Lumpur: Qarya Sdn.Bhd.
- Azizan Bahari. (2009). *Menjadi Sukarelawan*. Petaling Jaya: Qarya Sdn. Bhd.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Babbie, E. (1992). *The Practice of Social Research*. (3rd ed). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.
- Bailey, R., Jr. (1974). *Radicals in Urban Politics: The Alinsky Approach*. Chicago: University of Chicago Press.
- Batten, T.R. (1957). *Communities and Their Development*. London: Oxford University Press.
- Baker, A. (2005). Capacity building for sustainability: Towards community development in coastal Scotland. *Journal of Environmental Management*, 75, 11-19.
- Bembry, R. (1998). A youth development strategy: Principles to practice in recreation for the 21st century. *Journal of Park & Recreation Administration*, 17(2), 15-34.
- Benny Thomas Vivian. (2007). Pengaruh Sikap dan Motivasi Terhadap Komitmen Ahli Dalam Pelbagai Aktiviti Rukun Tetangga di Kawasan RT Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor. (Tidak diterbitkan, Tesis Sarjana), Universiti Putra Malaysia.
- Benson, P.L. (1997). *All Kids are Our Kids: What Communities Must Do to Raise Caring and Responsible Children and Adolescents*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Boyle, P. G. (1981). *Planning Better Programs*. New York: McGraw-Hill.

- Carpenter, C.G; Smyly,V et. al. (2005). Using Policy to Promote Youth Development. *CYD Journal*, Special Peer-Reviewd Issue Fall 2005, <http://www.cydjurnal.org/2005Fall/carpenter.html>. Retrieved on 28 Mei 2009.
- Chavis, D., Wandersman, A. (1990). Sense of community in the urban environment: A catalyst for participation and community development. *American Journal of Community Psychology*, 18(1), 55-81.
- Cheang Fook Heang (1999), *Skim Rukun Tetingga: Satu Kajian Kes di Kampung Batu Air Kala, Lenggong*, Perak, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Chrislip, D. (1995). Pulling together: Creating a constituency for change. *National Civic Review*, 18(1), 21-29.
- Christenson, J.A. & Robinson, J.W. (1989) *Community Development in Perspective*. Iowa State University Press, Ames Iowa.
- Cohen J.M & Uphoff, N. (1977). *Rural Development Participation: Concepts and Measure for Project Design, Implementation and Evaluation*, Center of International Studies, Rural Development Committee, Monograph no.2, Ithaca: Cornell University.
- Crouch, Harold, (1996). *Goverment and Society in Malaysia*, Cornell University.
- Clary, E.G., Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156-159.
- Clary, E.G., Synder, M., Ridge, R.D., Copeland, J., Stukas, A.A. (1998). Understanding and assesing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*. 74(6), 1516-1530.
- Cohen J. M., Uphoff, N. (1980). Participation's place in rural development: Seeking clarity through specificity. *World Development*, 8, 213-235.
- Cohen, L., & Garrison K. (2007). *Research Methods in Education*. (6th Ed). USA: Routledge.
- Coleman, J.C. (1974). Relationship in adolescence. London: Routledge & Kegan Paul.
- Cornwall, A. (2000). Making a difference? Gender and participatory development [IDS discussion paper 378]. Brighton: Institute of Development Studies, University of Sussex.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1979). *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dirwana Azool. (2010). *Dasar Rukun Tetingga dan Pemupukan Perpaduan Negara*. (Tidak diterbitkan, Tesis Master). Universiti Malaya.

- Dwiyanto, Raphaella D. (2001). *The Existing Form of Urban Locality Groups in Jakarta: Reexamining the RT/RW in the Post-New Order Era*. Indonesia: Atmajaya Catholic University Indonesia.
- Elaine Phoo Tiew Khoo (1987). Interaksi kejiranan di kalangan penduduk berbilang kaum di sebuah kawasan perumahan. *Negara*. 7:2, 10-17.
- Ezzy, D. (2002). *Qualitative Analysis: Practice and Innovation*. London: Routledge.
- Faizah Yunus. (2016). *Khidmat Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Flora C.B., Flora, J.L.Spears, J.D. & L.E. Swanson. (1992). *Rural Communities: Legacy and Change*. Boulder, Colorado: Westview Press.
- Flora, C.B. and J.L. Flora, (1993). Entrepreneurial social infrastructure: A necessary ingredient. *Annals of the American Academy of Political and Social Sciences*, 539: 48-58.
- Florin, P dan Wandersman, A. (1990). An introduction to citizen participation, voluntary organization, and community development: insight for empowerment through research. *American Journal of Community Psychology*, 18 (1): 41-54.
- Furnivall, J.S. (1948). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Studies of Burma and Netherlands India*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali Shafiee (1999), “Nation Building - A Malaysia Experience”, *Perpaduan*, Bil.1: 8-13.
- Gittell, R., and Vidal, A. (1998). *Community Organizing: Building Social Capital as a Development Strategy*. London: Sage.
- Goodkind, J. R., Foster-Fishman, P.G. (2002). Integrating diversity and fostering interdependence: Ecological lessons learned about refugee participation in multiethnic communities. *Journal of Community Psychology*, 30(4), 389–409.
- Gray, David E. (2009). *Doing Research in the World 2nd Edition*. London: Sage Publications Ltd.
- Green, G.P., and Haines, A. (2007). *Asset Building and Community Development*. Thousand Oak, Canada: Sage.
- Green, G.P., & Haines, A. (2007). *Asset Building and Community Development*. Thousand Oak, Canada: Sage.
- Ayuni Isa. (2014). *Gagasan 1Malaysia dan Korelasi Dengan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Belia*. (Tidak diterbitkan, Tesis Sarjana), Universiti Putra Malaysia.

- Hamidah Abu Bakar. (2014). *Kepimpinan Rukun tetangga: Satu Kajian Kes di Kawasan Rukun Tetangga Kampung Malaysia Raya, Cheras, Kuala Lumpur.* (Tidak diterbitkan, Tesis Sarjana), Universiti Sains Malaysia.
- Hancock, T. (2001). People, partnerships and human progress: Building community capital. *Health Promotion International*, 16(3), 275-280.
- Hardcastle, D.A. Powers P.R. & Wenocur, S. (2004). *Community Practice; Theories and Skills for Social Workers.* New York: Oxford University Press.
- Haris Abd Wahab & Abdul Hadi Zakaria. (2012). *Penilaian Keperluan dalam Pembangunan Komuniti.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haris Abd Wahab (2007). Penglibatan Masyarakat Tani dalam Pembangunan Komuniti. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Iaani, Francis, A. J. (1996). The caring community as a context for joining youth needs and program services. *The Journal of Negro Educations*, 65(1), 71-91.
- Haron Din. (1988). *Manusia dan Islam.* Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Haslinda Hashim dan Regina Abdullah. (2009). Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika*, 77: 41-67.
- Haslinda et.al, (2015), Kesediaan Belia Awal di Malaysia Meraikan Kepelbagaiannya. Dlm Sivamurugan Pandian et.al, *Hubungan Etnik di Malaysia Warisan, Watan dan Wawasan*, (ms.81-88), Nilai: Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN).
- Hayes, S. E. (1981). uses and abuses of community development: A general account. *Community Development Journal*, 16(3), 221-227.
- Holmes, Richard; Hazadiah Mohammad Dahan & Habibah Ashaari. (2005). *A Guide to Research in the Social Science.* Kuala Lumpur: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Honadle, B. W. (1981). Capacity-building framework: A search for concept and purpose. *Public Adminitsration Review*, 14 (5): 575-580.
- Indeks Belia Malaysia (2008).* Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (21, Jun 19) daripada <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/IBM2011.pdf>
- Ishak Saat, Nabir Hj Abdullah & Adnan Jusoh. (2014). *Perpaduan Malaysia Tanggungjawab Bersama.* Dlm. Kamaruddin M.Said (2014). Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif. Putrajaya: Majlis Profesor Negara (MPN).
- Jamiah Hj. Manap. (2005). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim.* (Tesis Master Sains). Universiti Putra Malaysia.

- Jayum A. Jawan (2005). Perpaduan dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Dlm. Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan (pnyt). *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, (ms. 45-54). Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
- John D. McCarthy and Mayer N. Zald (1977). Resource mobilization and social movements: A partial theory. *American Journal of Sociology*, 82 (6): 1212-1241.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M.Said (2014). *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif*. Putrajaya: Majlis Profesor Negara (MPN).
- Kaufman, M & Alfonso, H. (1997). *Community Power and Grassroots Democracy: The Transformation of Social Life*. Canada: Zed Books, UK and International Development Research Centre.
- Kaufman, M. (1997). *Community Power and Grassroots Democracy: The Transformation of Social Life*. Ottawa: ON.CA: IDRC.
- Kerlinger, F.N., (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Killacky, J & Karam-Gillet-Karam, Rosemary. (1994). Pathways to tomorrow: a conversation about community-based programming. *Journal of Community Development Society* 25(1):110-122.
- Klandermans, B. (1984). Mobilization and participation: social-psychological expansions of resource mobilization theory. *American Sociological Review*, Vol.49, No. 5.
- Klein, J. D., Sabarathnam, P., Matos, A. M., Smith, S. M., Kodjo, C., Lewis, K., et al. (2006). Development and factor structure of a brief instrument to assess the impact of community programs on positive youth development: The Rochester Evaluation of Asset Development for Youth (READY) tool. *Journal of Adolescent Health*, 39(2): 252-260.
- Kramer, R.M. (2001). Identity and trust in organizations : one anatomy of productive but problematic, Dalam M.A Hogg & D.J. Terry (Eds), *Social identity process in organizational context*. Philadelphia: Psychology Press.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970), Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Ku Hasnan Ku Halim (2012). Gagasan 1Malaysia Aksara Kesinambungan Gagasan Negara Bangsa. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, , Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). September 2012.

- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor (2009). Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Mahasiswa Bukan Melayu di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Lembah Kelang, *Jurnal Akademika* 75 (Jan-April): 85-100.
- Laporan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan. (2016). Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Larson, R., Walker, K., Pearce, N. (2005). A comparison of youth-driven and adult-driven youth programs: Balancing inputs from youth and adults. *Journal of Community Psychology*, 33(1), 57–74.
- Leedy, P.D. (1993). *Practical Research: Planning and Design*. (5th ed). New York: Macmillan.
- Lerner,R.M & Steinberg, L. (Eds.). (2004). *Handbook of Adolescent Psychology*. (2nd ed). Hoboke, New York: John Willey & Sons Inc.
- Letchumanan, G. (2013). *Panduan Pengurusan Rukun Tetangga*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Locher, David A. (2002).*Collective Behavior*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mahathir Mohamad. (1992). *Ke Arah Membina Bangsa Malaysia Bersatupadu*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan.
- Mahathir Mohamad. *Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan, Ucapan Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan*, Kuala Lumpur, 1 Ogos 1998.
- Malaysia. (2001). *Rangka Rancangan Jangka Panjang ke Tiga (2001-2010)*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Bhd.
- Masschelein, J., Quaghebeur, K. (2006). Participation making a difference? Critical analysis of the participatory claims of change. *Reversal, and Empowerment Interchange*, 37(4), 309-33.
- Membina Bangsa Malaysia Jilid 4*. (2009). Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Meme Zainal Rashid (2011). Potensi dan Cabaran Pembangunan Komuniti di Malaysia. Dalam Khadijah et.al (Ed), *Pembangunan Komuniti Membina Keupayaan dan Potensi Masyarakat* (ms.21-31). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Midgley, J. (1981). *Profesional Imperialism: Social Work in the Third World*. London: Heinemann Educational Books.
- Mior Hamzah, Mior Ahmad and Mamat, Rashidah (2004). *Nilai perpaduan dalam kenegaraan Malaysia: Mencari titik persamaan dari kepelbagaiannya komuniti pasca modenisme*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Langkawi. September 2004.

- Meor Azam Meor Harun. (2010). *Penilaian keberkesan organisasi Jiran Muda dalam Kawasan Rukun Tetangga di Taiping, Perak.* (Tidak diterbitkan Tesis Sarjana). Universiti Sains Malaysia
- Mohd Faisal Hussain (2009). *Persepsi dan Penglibatan Masyarakat dalam Program Rukun Tetangga di Kampung Seneng, Bachok, Kelantan.* Kertas Kerja, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shatar Sabran. (2003). Model Pembangunan Komuniti. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 11(2): 135-145.
- Mohd Salleh Lebar. (1995). *Asas Psikologi Perkembangan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Mohd Syariehudin Abdullah. (2013). Kesepadan Sozial dalam Komuniti di Kawasan Kejiranan Rukun Tetangga. Dlm. Pue Giok Hun. (pnyt.). *Menyelusuri Cabaran Kepelbagai: Pengalaman Malaysia Terkini,* hlm. 56-83. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Dora. (2009). Keberkesanan program rukun tetangga dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional. *Jurnal Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional,* 1(1):33-47.
- Mohd Taib Dora. (2008). Kajian Keberkesanan Program Rukun Tetangga dalam Memupuk Perpaduan dan Integrasi Nasional. *Kovensyen Rukun Tetangga 2008 Perpaduan dan Keselamatan Tanggungjawab Bersama,* Kuala Lumpur. November 2008.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1988). *Psikologi Remaja.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan. (2005). *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society.* Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Newman, W. L. (2003). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (5th ed.). Boston: A&B.
- Nobaya Ahmad, Haslinda Abdullah, Abd Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Dzuhalimi Dahlan. (2009). *Pembangunan Belia Abad ke-21 Isu dan Cabaran.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noraini Idris (Pnyt). (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M)

- Noraziah Sharuddin. (2002). *Forum Memori Korporat UTM*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Okafor, FC. (1982). Community involvement in rural development : A field study in the Bendel State of Nigeria. *Community Development Journal*, 17.
- Okui, O. (2004). Community participation: an abused concept? *Health Policy and Development*. 2, 7-10.
- Omar Muhamad (1979). *Rukun Tetangga: Peranan dan Fungsi*. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga 2006-2010*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Ploch, L, A. (1976). Community development in action. *Journal of Community Development Society*. 7(1): 5-15
- Pue Giok Hun. (2013). *Menyelusuri Cabaran Kepelbagai: Pengalaman Malaysia Terkini*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti, Kebangsaan Malaysia.
- Rabushka. (1969). Integration in a multi-racial institution.: ethnic attitudes among Chinese and Malay Students at the University of Malaya. *Race*, No.1 Julai 1969
- Rafiai, H. (1991). Perpaduan di kalangan penduduk rumah pangsa Bukit Bangsar/Sri Pahang-satu kajian, *Balai Muhibbah*, 2: 35-38.
- Rahnema, M. 2007 (1992) Participation. Dlm. Sachs, W. (ed.) *The Development Dictionary: A Guide to Knowledge and Power*. London & New York: Zed Books.
- Rancangan Malaysia Ke Tujuh 2001- 2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Rancangan Malaysia Ke Lapan 2001- 2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020*. (2015). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Rich, R.C. (1980). The dynamics of leadership in neighborhood organizations. *Social Science Quarterly*, 60: 560-587.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Rosman Md. Yusoff & Kassim Thukiman. Teori dan Pemikiran Mengenai Hubungan Etnik. Dlm. Kassim Thukiman & Hamidah Abdul Rahman (2009). *Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif Teori & Praktik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ruslan Ngah. (2007). *Demokrasi, Keamanan & Keharmonian*. Selangor : Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).
- Sabitha, M. (2006). *Kaedah penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Safidah Abu Samah. (2012). *Faktor Kesukarelawanan dalam Kalangan anggota Komuniti Rukun Tetangga di Selangor, Malaysia*. (Tidak diterbitkan Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. (1992). Peramal perpaduan antara etnik: implikasi terhadap perancangan komunikasi. *Jurnal Komunikasi*, 8: 65-77.
- Sanusi Osman. (1989). *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sara Shakilla Mohd Salim, Asnarulkhadi Abu Samah (2011). Tahap penglibatan komuniti Orang Asli dalam pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Capital Developmen*, 4, 125-139.
- Sarjit Singh Gill. (November, 2008). *Kajian Mengenai Semangat Kejiranan dan Perpaduan di Kalangan Ahli Rukun Tetangga di Kawasan Bandar*. Kertas Kerja Konvensyen Rukun Tetangga 2008 (Perpaduan dan Keselamatan Tanggungjawab Bersama), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Schermerhon, R.A., (1970). *Comparative Ethnic Relations: A Framework for Theory and Research*, New York: Random House.
- Shafiee Bohari et al. (1994). *Kajian Kejiranan di Kalangan Penduduk Kawasan Rukun Tetangga Balairaya Kuching Sarawak*. Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak.
- Shamsiah Abdul Rahman. (2011). Membina Semula Pembangunan Komuniti. Dalam *Pembangunan Komuniti Membina Keupayaan & Potensi Masyarakat* (Khadijah Alvi ed). Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Shamsul Amri Baharuddin. (1992). *Malaysia in 2020, One State Nations? The Seventh James C. Jackson Memorial Lecture*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1994). “National Unity: Malaysia’s Model for Self-Reliance” dalam *Malaysia Development Experience*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience*. UKM Ethnic Studies Paper No.2 (November) 2008.
- Singh, Rajendra. (2010). *Gerakan Sosial Baru*. Yogyakarta: Resist Book.
- Siti Rohani Yahaya & Noor Ismawati Mohd Jaafar. (2009). Kajian kompetensi pegawai-pegawai perpaduan. *Jurnal Perpaduan*. Penerbitan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Sivamurugan Pandian. (2010). “*Managing Diversity : From Independence To 1 Malaysia*”. *Managing Success in Unity*. Putrajaya: Department of National Unity and Integration, Prime Minister Department.
- Sulaiman Y., Dzulhilmi, D., Haslinda, A., Ismi Arif I., Azimi, H., Nobaya, A., Fazilah, I., Wendy Yee, M.T. & Banyan, S. (2013). Challenges in the social environment landscape: readiness of youth embracing diversity. *Petranika Journal of Sciences & Humanities*, 21(5): 11-20.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tan Min Nee. (1998/1999). *Reaksi Penduduk Terhadap Skim Rukun Tetangga: Satu Kajian Kampung Sembulan Lama*. (Latihan Ilmiah Tidak diterbitkan). Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Ting Chew Peh. (1987). *Hubungan Ras dan Etnik: Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi
- Tun Abdul Razak Hussien. (1975). *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussien*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Turiman Suandi (2011). Kesukarelawanan: ke Arah Mengoptimumkan Kesejahteraan Masyarakat. Dlm. Khadijah Alvi (Pnyt), *Pembangunan Komuniti Membina Keupayaan & Potensi Masyarakat* Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Turiman Suandi. (2009). *Volunteerism: Expanding the Frontiers of Youth Development. Inaugural Lecture Series*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Turiman S., Nobaya A., Ezhar T dan Azimi H. (2008). Pembangunan belia ke arah 2057: isu dan cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*. 1:1-13.
- United Nation. (1960). *Community Development and Economic Development: A Study of the Contribution of Rural Community Development Programmes to National Economic Development in Asia and Far East*. Bangkok: Economic Commission for Asia and the Far East.

- Yahya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan Kejiranian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yew, Y.K., Mohamed, M.Y., Mansor, A., Samsudin A.R., Shaari, M.N. (1990). *Intercultures communications and national unity: Tha Malaysia case*. Dlm. Abdul Halim, O. & Wan Rafei, A.R. (eds). *Psychology and Socio-Economic Development*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yik Sie Chiew (1998), *Perpaduan Antara Kelompok Etnik di Bintangor, Sarawak*. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yunus Maris. (1984). *Kamus Fajar Rumi-Jawi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wandersman, A. (1984). Citizen participation dalam Sheridan, J.C. dan Brian, J.B. Defining the nature of participation in rural Australia community: A qualitative approach. *Journal of Community Psychology*, 30 (6):635-646.
- Wan Halim Othman (1994, Mei). *Peranan Rukun Tetangga dalam Konteks Wawasan 2020*. Konvensyen Rukun Tetangga 1994, Melaka.
- Wan Halim Othman (1980). "Masalah Perpaduan Negara di Malaysia" dalam *Laporan Persidangan Perpaduan Pengerusi-Pengerusi Majlis Perhubungan Masyarakat* di Hotel Merlin, Cameron Highlands, Kuala Lumpur. Mei 1980.
- Wan Hashim Wan Teh, (1983). *Race Relations in Malaysia*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books.
- Wasitah Mohd Yusof. (2012). *Penerapan Elemen Pembangunan Belia Positif dalam Perenca*. (Tidak diterbitkan Tesis PhD). Universiti Putra Malaysia.
- Wates, N. (2000). *The Community Planning Handbook*. London: Earthscan.
- Zaid Ahmad (2009). Satu Tinjauan Terhadap Keadaan Perpaduan Nasional Malaysia Hari ini. Dlm. Azizan Baharuddin & Hashim Ismail. (pnyt). *Prosiding Seminar Memampangkan Perpaduan Negara*, Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Zarina Md. Yasin., Zahara Aziz & Hardiana Ema Ribu. (2014). *Keberkesanan Modul Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ke Arah Meningkatkan Perpaduan dan Hubungan Etnik Pelajar*. Dlm. Kamaruddin M.Said Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif. Putrajaya: Majlis Profesor Negara (MPN).
- Zulkhairi et.al. (2014). Penerimaan dan penglibatan belia Sarawak terhadap gagasan 1Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 11: 115-125.
- Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. (2003). *Pendidikan Negara Bangsa*. Pahang: PTS Publications & Distributors.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGARUH PENGETAHUAN, PERSEPSI DAN PENGLIBATAN TERHADAP SEMANGAT PERPADUAN DALAM KALANGAN JIRAN MUDA DI KAWASAN RUKUN TETANGGA DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : WAN ZUMAIZA BT. WAN MUSTAPHA

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]